

Sempena 100 hari pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor hari ini

Cabaran hebat tadbir negeri maju

Pakatan Rakyat kena usaha lebih gigih atasi kejayaan diwarisi pemimpin kerajaan BN

B-H 20/06/08 M15 11

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

HARI ini, genap 100 hari Pakatan Rakyat (PR) yang disertai Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan Pas memerintah Selangor selepas memenangi 36 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-12, 8 Mac lalu.

Dalam tempoh itu, pelbagai cabaran dilalui pemimpin PR di Selangor untuk membuktikan kepada pengundi yang mereka mampu mentadbir negeri maju itu lebih baik berbanding Barisan Nasional (BN) yang sudah 50 tahun memerintah.

Menyingkap sejarah 100 hari pemerintahan, pentadbiran PR bermula dengan kontroversi membabitkan pihak Istana apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dituduh cuba mencampuri urusan pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Dakwaan berniat jahat itu disebar menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) oleh pihak tertentu bertujuan menimbulkan salah faham antara kaum terutama orang Melayu yang taat dan setia kepada Sultan.

Dakyah palsu itu timbul berikutan kerajaan baru mengambil masa agak lama untuk melantik barisan Exco selepas pemimpin tertinggi dari tiga parti gabungan itu dikatakan menuntut lebih kerusi Exco.



KEKAL KEMAJUAN: Pembangunan yang diwarisi daripada kerajaan BN harus ditambah baik oleh pentadbiran baru Selangor.

Tempoh yang terlalu lama itu menimbulkan keresahan rakyat dan pelbagai spekulasi dibuat, termasuk dakwaan kononnya Sultan Selangor tidak berkenan dengan Exco yang dipilih kerana lebih ramai bukan Melayu.

Pihak Istana terpaksa mengeluarkan kenyataan menafikan semua tuduhan itu dan menegaskan Sultan Selangor mahu ketiga-tiga parti itu terlebih dulu menyelesaikan masalah sesama mereka dan pelantikan Exco perlu mengambil kira komposisi kaum di Selangor.

Selepas tiga minggu pilihan raya berakhir iaitu pada 23 Mac, teka-teki itu terjawab apabila PR mengguna pakai formula 4-3-3 iaitu empat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PKR, tiga DAP dan tiga Pas dilantik Exco.

Sebelum itu, DAP dikatakan menuntut lebih kerusi Exco kerana menang 13 kerusi, hanya kurang dua kerusi yang dimenangi PKR tetapi jauh lebih banyak berbanding Pas yang menang lapan kerusi.

Pertikaian juga timbul apabila Adun Sungai Pinang dan wakil rakyat DAP paling senior, Teng Chang Khim dikatakan tidak berpuas hati kerana tidak dilantik Exco sebaliknya diberi kepada Adun paling muda, Ean Yong Hian Wah.

Sebagai ganti atau dianggap usaha memujuk Teng, beliau dilantik Speaker, sekali gus menjadi Speaker bukan Melayu di negeri Melayu yang pertama di negara ini.

Keputusan dianggap paling kontroversi

apabila PR meluluskan projek ternakan babi moden secara berkelompok di Tanjung Sepat, membabitkan pelaburan lebih RM100 juta pada masa yang tidak sesuai kerana 'mood' pilihan raya masih dirasakan.

Perang mulut antara Abdul Khalid dan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo terus berlaku apabila bekas Menteri Besar itu mendakwa kerajaan negeri BN belum meluluskan projek terbabit, manakala Abdul Khalid pula mendakwa PR hanya meneruskan projek yang diluluskan BN.

Isu ladang babi itu hangat diperkatakan di Selangor dan seluruh negara sehingga membangkitkan rasa tidak puas hati masyarakat Islam, terutama penduduk di sekitar tapak projek yang mengadakan demonstrasi di depan pejabat Menteri Besar.

Kontroversi demi kontroversi yang tercetus di Selangor bagaimanapun tidak menghalang kerajaan negeri PR meneruskan manifesto pilihan raya untuk memberikan air percuma bagi 20 meter padu setiap bulan bermula 1 Jun lalu.

Tetapi, pemberian air percuma bernilai RM11.40 sebulan untuk setiap pengguna itu tidak menyeluruh kerana hanya pengguna meter individu menikmati, manakala pengguna meter pukal yang tinggal di perumahan bertingkat, berputih mata.

Walaupun janji manifesto ditunaikan, ramai mengeluh kerana pemberian air percuma itu turut menguntungkan penduduk di kediaman mewah yang menggunakan

meter individu.

Kepada rakyat, RM11.40 mungkin bukan jumlah besar, tetapi kerajaan negeri menerusi anak syarikatnya, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) perlu membelanjakan RM11 juta sebulan atau RM132 juta setahun untuk membayar air percuma itu kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas).

Kos air percuma itu ditanggung KDEB sehingga urusan pembelian Syabas selesai dan Abdul Khalid sendiri mengakui proses ambil alih akan mengambil masa.

Proses itu juga memerlukan kos tinggi iaitu sehingga RM5 bilion. Nilai itu ditawarkan ketika rundingan dengan kerajaan BN pada Januari lalu dan Dr Mohamad Khir menjangkakan Syabas akan meletak harga lebih tinggi.

KDEB mempunyai 30 peratus pegangan dalam Syabas, manakala selebihnya Puncak Niaga Sdn Bhd yang dimiliki usahawan Bumiputera terkemuka, Tan Sri Rozali Ismail.

Jika proses pembelian Syabas dan dua lagi syarikat pembekal air bersih berjaya, ia sebenarnya bukan kejayaan PR 100 peratus, tetapi kerajaan negeri terdahulu yang memulakan inisiatif itu bertujuan mengurangkan harga air.

Satu lagi janji yang bakal ditunaikan ialah pemberian insentif RM1,000 kepada kira-kira 10,000 anak Selangor yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tetapi hanya keluarga

berpendapatan kurang RM1,500 sebulan layak memohon.

Janji ini juga dipertikai kerana dalam manifesto tidak menyatakan RM1,000 itu untuk golongan tertentu saja. Bagaimana pula keluarga berpendapatan lebih RM1,500 yang mempunyai ramai tanggungan? Mengikut konsep merakyatkan ekonomi, kerajaan PR memperuntukkan RM10 juta bagi pemberian insentif itu.

Jika dicongak, banyak peruntukan kewangan yang dikeluarkan untuk rakyat bagi merealisasikan janji menjadi negeri berkeadilan, tetapi bagaimana pula usaha kerajaan negeri menambah pendapatan?

Kerajaan BN yang meninggalkan harta rizab berjumlah RM4 bilion memperoleh RM11.2 bilion pelaburan asing dan tempatan. Dalam hal ini, PR perlu berusaha lebih gigih untuk mengatasi rekod paling tinggi dalam sejarah Selangor dan negara itu.

Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri mampu menarik pelaburan lebih 10 bilion tetapi bukan dalam Ringgit Malaysia (RM) sebaliknya dolar Amerika yang bersamaan RM32 bilion.

Katanya, pelaburan itu datang daripada tujuh pelabur yang menunjukkan minat untuk melabur di Selangor, pada pertemuan di Dubai baru-baru ini. Angka itu tidak mustahil dicapai, tetapi jika dilihat secara realistik, kerajaan BN yang menyediakan semua prasarana dan lebih berpengalaman pun belum mampu mencapai angka itu.